

TNB pelbagai sumber penjana tenaga

Utusan Malaysia - Ekonomi 4/3/2021 m/s 35

PETALING JAYA: Langkah Tenaga Nasional Berhad (TNB) memperluas pelaburannya ke sektor tenaga boleh dibaharui (RE) dilihat memberi kelebihan kepada syarikat itu untuk mempelbagaikan sumber penjana tenaganya.

Pensyarah Kanan Sekolah Ekonomi Putra (PBS), Prof. Madya Dr. Ahmed Razman Abdul Latiff berkata, usaha itu membuktikan komitmen TNB untuk meningkatkan penglibatan mereka dalam sektor RE untuk tempoh jangka panjang.

"Kebaikan menceburi RE adalah mampu mempelbagaikan sumber penjana sekaligus mengurangkan risiko ke atas ketidakpastian harga komoditi seperti arang batu dan gas yang boleh menjelaskan keuntungan TNB.



TNB terus komited meneroka sumber tenaga dibaharui bagi mempelbagaikan sumber penjana tenaganya.

"Penglibatan TNB dalam sektor ini juga mampu membantu negara dari segi meneroka teknologi baharu dan mewujudkan pelbagai peluang perniagaan serta pekerjaan dalam sektor RE," katanya ketika dihubungi

Utusan Malaysia semalam.

Semalam, *Utusan Malaysia* melaporkan, TNB menerusi anak syarikat milik penuhnya, TNB Renewables Sdn. Bhd. telah memeterai binding term sheet bagi kerjasama dengan

Sunseap Group berpusat di Singapura.

Kerjasama itu bagi meneroka pasaran RE dan Perjanjian Pembelian Tenaga (PPA) Korporat di republik berkenaan.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Ir. Baharin Din berkata, kerjasama itu adalah pencapaian penting bagi TNB dalam usaha meluaskan jejak mereka dalam bidang RE di peringkat antarabangsa, termasuk Asia Tenggara.

Beliau berkata, terkini, portfolio keseluruhan RE TNB adalah sebanyak 2,7732.3 megawaatt (MW) di Malaysia (termasuk 2,536.1MW daripada hidro besar) dan 666MW di United Kingdom, Turki dan India yang kebanyakannya melibatkan aset penjana tenaga solar, angin dan hidro.